

NILAI-NILAI MURNI DALAM PERNIAGAAN KELUARGA MILIK USAHAWAN MUSLIM

Syahrina Abdullah, Armanurah Mohamad dan Nasri Naiimi

Perniagaan keluarga sangat penting kepada mana-mana negara kerana ianya dapat memberi sumbangan yang berharga kepada ekonomi negara. Perniagaan milikan keluarga di Malaysia memberi sumbangan yang sangat besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan sumbangan ini telah didominasi oleh perniagaan milik keluarga kaum Cina. Walaupun tiada statistik yang lengkap mengenai perniagaan keluarga di Malaysia, terutamanya perniagaan keluarga milik umat Islam, tetapi yang jelas perniagaan keluarga telah dan akan terus memberi sumbangan yang bernilai kepada ekonomi negara. Hakikatnya, perniagaan milik keluarga memberi peluang pekerjaan kepada 59% daripada keseluruhan tenaga kerja di Amerika Syarikat dan bertanggungjawab sebanyak 78% kepada penciptaan peluang-peluang pekerjaan baru. Perniagaan keluarga juga adalah pemacu kepada proses perindustrian di negara Thailand. Sebelum krisis ekonomi di Asia pada tahun 1997, terdapat 220 firma perniagaan keluarga yang memberi sumbangan kepada dua per tiga daripada Keluaran Negara Kasar di Thailand. Manakala di Korea beberapa perniagaan keluarga yang besar yang dikenali sebagai *chaebols*, telah menguasai hampir 100 peratus ekonomi Korea Selatan sejak 1960an.

Kini, ramai usahawan Muslim di Malaysia yang sudah memiliki perniagaan sendiri dan terdapat dalam kalangan usahawan muslim ini sedang menguruskan perniagaan milikan keluarga yang telah melalui proses penggantian ke generasi kedua. Malahan ada perniagaan milikan keluarga telah berjaya mencapai sehingga ke generasi ketiga. Manakala di Malaysia, walaupun tiada statistik yang lengkap tentang perniagaan

keluarga di Malaysia tetapi yang jelas perniagaan ini telah dan akan terus memberi sumbangan yang bernilai terhadap ekonomi negara (Norita, 2010). Kebanyakan daripada perniagaan keluarga di Malaysia, iaitu sebanyak 59% masih lagi diuruskan oleh pengasas, manakala 30% pula diuruskan oleh generasi kedua yang majoritinya terdiri daripada anak pengasas sendiri. Dalam kebanyakan perniagaan milik keluarga, pengasas biasanya dibantu dan disokong oleh adik beradik 45%, anak-anaknya 24%, dan saudara maranya sebanyak 14%. Daripada 24% itu, 46.5% adalah terdiri daripada anak yang pertama, 28.2% ialah anak yang kedua, 13.7% anak yang ketiga dan 11.4% adalah anak yang keempat (Farihin, 2010 & Famili, 2011).

KEUSAHAWANAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Keusahawanan menurut perspektif Islam adalah satu bidang kerjaya yang mulia dan tinggi di sisi agama. Aktiviti keusahawanan menurut Islam perlu dilaksanakan dengan baik, jujur, amanah dan berintegriti. Tambahan pula, bidang keusahawanan ini mampu memberikan ganjaran dan pulangan yang besar serta berupaya membangunkan masyarakat yang berdaya saing. Selain itu, bidang ini berupaya menjadikan masyarakat yang berintelektualiti serta mencapai taraf hartawan dan jutawan. Namun begitu, bidang keusahawanan Islam perlu memberi penekanan terhadap strategi jangka panjang di mana keutamaan yang hendak dicapai adalah berdasarkan keredhaan Allah SWT dan bukanlah keuntungan dunia semata-mata. Ini menjadikan umat Islam lebih kuat dan berdaya saing serta lebih dihormati. Hal ini disokong daripada Abu Said Al-Khudriy r.a., Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Ahli perniagaan yang benar lagi jujur akan dibangkitkan bersama para Anbiya’,
Siddiqin dan Syuhada”.*

(Tirmidzi)

Menyoroti sejarah Nabi Muhammad SAW, baginda SAW sendiri merupakan seorang usahawan yang berjaya sebelum diangkat menjadi seorang Rasul. Baginda SAW telah mula berniaga sejak kecil di mana